SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2 (37)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

TIMBALAN MENTERI NRES TINJAU PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI PD FOREST @ SUNGAI MENYALA

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, telah mengadakan lawatan turun padang ke PD Forest @ Sungai Menyala, Port Dickson hari ini bagi meninjau pelaksanaan inisiatif pemuliharaan hutan, pembangunan ekopelancongan dan usaha memperkukuh pendidikan alam sekitar yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

PD Forest @ Sungai Menyala merupakan antara khazanah hutan yang bernilai tinggi di negara ini. Hutan Simpan Sungai Menyala yang diwartakan pada tahun 1917 meliputi keluasan 1,280 hektar dan merupakan satu-satunya kawasan Hutan Dipterokarpa Tanah Pamah yang masih kekal di Malaysia. Keistimewaan kawasan ini terus diperkukuh apabila Hutan Simpanan Hutan Dara (Virgin Jungle Reserve – VJR) seluas 48 hektar diwujudkan pada tahun 1948 sebagai kawasan perlindungan khas untuk penyelidikan, sebelum diiktiraf sebagai kawasan High Conservation Value (HCV) atau Nilai Pemuliharaan Tinggi pada tahun 2007 kerana kepentingan biologi, ekologi, sosial dan budayanya.

Bagi memperkasakan fungsi pendidikan dan rekreasi, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menubuhkan Pusat Ekopelancongan – Pusat Edu Eco-Tourism Sg Menyala (PEET) pada tahun 2010 sebelum dijenamakan semula sebagai PD Forest @ Sungai Menyala pada tahun 2020. Penjenamaan semula ini bertujuan meningkatkan daya tarikan ekopelancongan negeri melalui penyediaan pelbagai kemudahan dan aktiviti seperti denai interpretasi hutan, laluan berbasikal, tapak perkhemahan, bilik penginapan, bilik seminar dan program pendidikan alam sekitar.

Salah satu tarikan utama di PD Forest @ Sungai Menyala ialah Dataran Astronomi, yang dibangunkan pada Oktober 2022 sebagai produk ekopelancongan berasaskan pendidikan. Berkeluasan 1,319 meter persegi (14,208 kaki persegi), dataran ini menggabungkan keindahan hutan tropika dengan ilmu astronomi, sekali gus menawarkan pengalaman pembelajaran yang unik kepada pengunjung.

Terletak di kawasan hutan yang mempunyai tahap pencemaran cahaya yang rendah, Dataran Astronomi menjadi lokasi ideal untuk aktiviti cerapan bulan, bintang, planet dan galaksi bima sakti. Pada waktu siang pula, pengunjung berpeluang mempelajari konsep pergerakan matahari menerusi sebuah jam matahari (sundial) yang menentukan waktu berdasarkan kedudukan matahari.

Keunikan Dataran Astronomi ini turut mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) pada 4 Jun 2023 menerusi dua rekod kebangsaan iaitu “Dataran Astronomi Terbesar dalam Hutan Simpanan Kekal” dan “Jam Matahari Terbesar dalam Hutan Simpanan Kekal”.

Pengiktirafan ini menjadikan PD Forest @ Sungai Menyala sebagai hutan simpan pertama di Malaysia yang menggabungkan konsep ekopelancongan dan astropelancongan dalam satu destinasi, sekali gus memperkukuhkan peranannya sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan rekreasi berasaskan alam semula jadi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Aminuddin bin Harun atas komitmen berterusan dalam memperkukuh agenda kelestarian melalui pelbagai inisiatif pemuliharaan hutan dan pembangunan ekopelancongan. Usaha ini bukan sahaja memelihara khazanah alam, malah mewujudkan nilai tambah kepada rakyat melalui pendidikan alam sekitar, rekreasi dan pembangunan ekonomi setempat yang mampan.

Sebagai simbolik lawatan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyempurnakan penanaman pokok Beruas (Garcinia hombroniana), iaitu antara spesies pokok nadir tempatan yang mempunyai nilai penting dari aspek pemuliharaan biodiversiti. Lawatan ini turut diserikan dengan demonstrasi Pasukan Pemanjat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan yang mempamerkan teknik perolehan biji benih untuk dijadikan sebagai bahan tanaman berkualiti tinggi bagi menyokong pelbagai inisiatif penghijauan negara.

Kementerian NRES menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah komited untuk terus memperkukuh usaha pemuliharaan hutan melalui pendekatan yang mengintegrasikan konservasi biodiversiti, pendidikan alam sekitar, penyelidikan serta pembangunan ekopelancongan. Inisiatif seperti yang dilaksanakan di PD Forest @ Sungai Menyala membuktikan bahawa khazanah hutan negara bukan sahaja perlu dipelihara, malah boleh dimanfaatkan secara lestari sebagai medium pendidikan, rekreasi dan pembangunan ekonomi setempat tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
22 JULAI 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam(NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763

nresmalaysia